

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

EUP 302 - Psikologi Perindustrian

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2) muka surat bercetak** dan **ENAM (6) soalan** sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4) soalan** sahaja.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.

Jawab kesemua soalan dalam Bahasa Malaysia.
Mesinkira boleh digunakan.

.../2

1. Sekiranya anda dipilih sebagai pemimpin kumpulan bagi satu projek pembinaan loji agar ia berjalan lancar dan siap pada waktu yang dijangkakan, apakah gaya kepemimpinan atau kelakuan yang akan anda gunakan? Mengapa?

(25 markah)
2. Bincangkan empat sebab kenapa pentingnya bagi pengurus memahami punca dan akibat tekanan perkerjaan.

(25 markah)
3. Anda baru dilantik sebagai pengurus sebuah syarikat yang baru mengalami tuduhan dan aduan tentang perkhidmatan dan prestasi yang buruk daripada media dan masyarakat. Peristiwa ini telah menjatuhkan semangat dan moral kakitangan anda. Bagaimanakah anda menggunakan teori motivasi melalui kesaksamaan dan pengharapan untuk mengatasi masalah ini?

(25 markah)
4. Terangkan bagaimana anda membina kerja berpasukan yang berkesan melalui kerjasama, kepercayaan, dan keeratan.

(25 markah)
5. Bagaimana seorang pengurus melihat punca kepercayaan dan memupukkan penghargaan diri dan efikasi diri pekerja bagi mengatasi masalah yang sama dalam soalan 3?

(25 markah)
6. Anda dikehendaki memberi penerangan kepada tokoh-tokoh koporat asing tentang pengalaman Malaysia sebagai negara berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa. Sila kaitkannya dengan budaya konteks tinggi dan rendah serta masa monokronik dan polikronik yang difahami oleh mereka.

(25 markah)